- 沙律漏斗的最大實際使用容量：200 克或沙律漏斗的最高位置，以先到者為準。
- 禁用材料：請參閱第21頁。
- 開始處理前，確保材料均勻的分布在沙律漏斗內。
- 在操作前，總是確保漏斗蓋罩被安裝到沙律漏斗上，否則材料可能溢出或撕裂到容器周圍。
- 根據各材料的數量以及速度，將出現顯著的振動。在這種情況下，請用雙手按住容器蓋罩，在操作過程中予以支持。

# 使用後


## 清洗

### 預洗


預洗有助於更容易清洗。它可用於清洗切刀。要預洗，請按照下面的步驟。




將用過的附屬品放入容器內，然後加入水，直到該附件浸沒在水中（最多500 毫升）。將容器蓋罩放置在容器上面，順時針旋轉，直到發出“喀嚓”的聲音。




將開關鈕轉到“脈衝”5 ~ 10 次。



轉動開關鈕返回關“0”位置，並將插頭從插座上拔下。取出附屬品，並進行清洗。



在流水中沖洗這些零件。必要時可使用中性的廚房用清潔劑。然後用乾淨的布擦乾。



在流水中沖洗這些零件，並用刷子仔細清洗。必要時可使用中性的廚房用清潔劑。

### 摘要：

- 這些零件是非常鋒利的，清洗時應格外小心處理。避免在清洗過程中，將這些零件擊中硬物。

## 使用後

### 馬達機座 / 橡膠腳墊

使用濕布拭擦任何灰塵或污漬。

#### 摘要：

- 在清洗馬達機座前，確保已拔掉電源線。
- 不要在流水中清洗馬達機座。
- 不要使用腐蝕性的液體（如酒精、稀釋劑等）清洗馬達機座。

### 用洗碗機清洗


本產品的容器與容器蓋罩可用洗碗機清洗。

#### 摘要：


- 請勿將這些零件置放在靠近洗碗機加熱區附近，因為高溫可能會損壞其機件。

### 收藏


在收藏前，確保所有附屬品以及容器已從馬達機座上去除。



要釋放馬達機座橡膠腳墊的吸力，按下位於馬達機座外殼的底部旁邊的釋放杆，如上圖所示，並同時抬起。



傾斜馬達機座在其一側，並著手將部分的電源線纏繞到纏繞區，並將插頭留在座機旁。



收藏切刀在容器裡面。

收藏其他附屬品在乾爽、安全的地方。

# 故障排除

安排維修服務之前，請檢查以下幾點。

| 問題                 | 原因和應對方法  |
|--------------------|--|
| 本產品無法啟動。           | <ul style="list-style-type: none"><li>● 插頭沒穩固插入電源插座。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 穩固地將插頭插入插座。</li></ul></li></ul>  |
| 轉動開關鈕後，本產品仍無法啟動。   | <ul style="list-style-type: none"><li>● 容器沒有正確地鎖定在馬達機座上。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 確保附屬品的三角形標記對齊馬達機座的長方形標記，如第24頁所示。</li></ul></li><li>● 容器蓋罩還未完全鎖定在容器上。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 將容器蓋罩完全安裝在容器上。</li></ul></li><li>● 材料卡住。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 小心取出材料，並確保放入如所述的用量。</li></ul></li></ul>  |
| 本產品在運行過程中突然停止。     | <ul style="list-style-type: none"><li>● 電路自動斷路器被啟動。（請參閱第23頁）<ul style="list-style-type: none"><li>· 加入太多的材料。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 取出多余的材料，並確保放入如所述的用量。</li></ul></li><li>· 大塊或硬質的材料。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 確保材料切成規定的尺寸。請勿使用堅硬的材料，如冷凍食品或高密度固體。</li></ul></li></ul></li><li>● 安全鎖被觸動。（請參閱第23頁）<ul style="list-style-type: none"><li>· 操作過程中出現異常的振動可能會觸動安全鎖。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 請確保根據所述的材料和用量。</li></ul></li><li>➔ 將容器蓋罩牢固地鎖定在容器上，並確保容器被完全地鎖定在馬達機座上。</li></ul></li></ul> |
| 有操作時出現異常的振動和噪音。    | <ul style="list-style-type: none"><li>● 橡膠腳墊和／或台面不乾淨。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 使用一塊乾淨的濕布擦掉任何灰塵或污漬。只有放在一個乾淨、平整、光滑的表面上，橡膠腳墊才可以有效發揮作用。</li></ul></li><li>● 用於處理的材料太多或太硬。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 確保使用如所述的材料，如果使用超出所規定的材料分量，減少材料的份量。</li></ul></li></ul>  |
| 經處理的材料的質地和一致性未如預期。 | <ul style="list-style-type: none"><li>● 一些材料可能難以加工，例如南瓜。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 處理材料之前預煮可能是有必要的以軟化材料，例如直到可以使用又輕易地刺穿。</li></ul></li><li>● 材料尺寸沒有根據製備方法。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 材料準備按照規定的尺寸。</li></ul></li><li>● 對於冰凍功能，同時處理某些材料可能導致剩餘的塊狀物。</li><li>● 最大材料處理量和處理的持續時間僅供參考，較少量的材料和不同的材料將影響本產品的表現。<ul style="list-style-type: none"><li>➔ 在適當的持續時間下處理材料，直到達到所希望的質地和稠度。</li></ul></li></ul>   |



# 規格

|                |   |
|----------------|---|
| 型號             | <b>MK-F300</b>  |
| 功能             | 食物處理器   |
| 電源供應           | 220 - 240 V ~ 50 - 60 Hz                                  |
| 額定功率           | 180 - 200 W   |
| 開關鈕            | 開關鈕   |
| 使用時間           | 2 分鐘開，4 分鐘關   |
|                | "材料準備工作" 頁面上所述的內容除外                                       |
| 尺寸 (高x寬x深) (約) | 435 x 264 x 265 毫米  |
| 重量 (約)         | 3.1 公斤  |
| 容量 (約)         | 容器容量：2.5 公升<br>最大實際使用容量：<br>液體而已 = 1.5 公升<br>固體而已 = 600 克 |
|                | "材料準備工作" 頁面上所述的內容除外                                       |
| 附屬品及配件         | 切刀、刀片架、切片刀 (厚和薄)、磨碎刀片 (粗和幼)、沙律漏斗                          |
| 通用配件           | 刷子與勺子   |
| 可用洗碗機清洗附屬品     | 容器與容器蓋罩   |



# KANDUNGAN

|  | Muka surat |
|--|------------|
| <b>LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN</b> .....     | 35 - 37    |
| NOTA PENTING .....                           | 37         |
| NAMA BAHAGIAN-BAHAGIAN .....                 | 38         |
| ALAT PERLINDUNGAN PEMUTUS LITAR .....        | 39         |
| KEKUNCI KESELAMATAN .....                    | 39         |
| CARA MEMBUKA .....                           | 40         |
| PEMROSES MAKANAN                             |            |
| (i) PENGENALAN .....                         | 40         |
| (ii) PISAU PEMOTONG .....                    | 41 - 42    |
| - Penyediaan Bahan-bahan                     |            |
| - Cara Mengguna                              |            |
| (iii) PISAU PENGHIRIS • PISAU PERINCIH ..... | 43 - 44    |
| - Penyediaan Bahan-bahan                     |            |
| - Cara Mengguna                              |            |
| (iv) PENERING SALAD .....                    | 45         |
| - Penyediaan Bahan-bahan                     |            |
| - Cara Mengguna                              |            |
| SELEPAS PENGGUNAAN .....                     | 46 - 47    |
| PENYELESAIAN MASALAH .....                   | 48         |
| SPESIFIKASI .....                            | 49         |

# LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN (Pastikan mengikut arahan ini)

Untuk mengelakkan kemalangan atau kecederaan kepada pengguna, orang lain dan kerosakan harta benda, sila patuhi arahan-arahan berikut.


■ Carta berikut menunjukkan tahap kerosakan yang disebabkan oleh operasi yang salah.

|   |   |
|---|---|
|  <b>AMARAN</b> | Menunjukkan kecederaan serius atau kematian.              |
|  <b>AWAS</b>   | Menunjukkan risiko kecederaan atau kerosakan harta benda. |

■ Simbol dikelaskan dan dijelaskan seperti berikut.

|  |   |
|--|---|
|  Simbol ini menunjukkan larangan. |  Simbol ini menunjukkan keperluan yang mesti dipatuhi. |
|--|---|

## AMARAN

-  ● **Jangan merosakkan Tali Kod atau Palam.**  
(Ia boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas.)
- **Jangan gunakan perkakas ini jika Tali Kod atau Palam rosak atau Palam disambungkan ke soket secara longgar.**  
(Ia boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas.)
  - ➔ Jika Tali Kod rosak, ia mesti digantikan oleh pengilang, ejen perkhidmatan atau orang dengan kelayakan seumpamanya, untuk mengelakkan bahaya.
- **Jangan memasang atau mencabut Palam dengan tangan yang basah.**  
(Ia boleh menyebabkan kejutan elektrik.)
- **Jangan melebihi voltan dan jangan menggunakan arus alternatif selain daripada yang disenaraikan pada perkakas.**  
(Ia boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.)
  - Pastikan voltan yang dibekalkan kepada perkakas adalah sama seperti bekalan tempatan anda.
  - Memasang alat peranti lain ke dalam soket yang sama boleh menyebabkan pemanasan elektrik yang berlebihan.
- **Jangan rendamkan Bahagian Motor ke dalam air atau percikan ia dengan air.**  
(Ia boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas.)
- **Jangan membuka, membaiki atau mengubah suai perkakas.**  
(Ia boleh menyebabkan kebakaran, kejutan elektrik atau kecederaan.)
  - ➔ Sila hubungi pusat perkhidmatan anda untuk pembaikan.
- **Jangan letakkan sebarang objek ke dalam lubang angin atau celah.**  
(Ia boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kerosakan.)
  - Terutamanya objek logam seperti pin atau wayar.
- **Jangan menggantikan mana-mana bahagian perkakas dengan alat ganti selain daripada alat ganti tulen.**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan, kejutan elektrik atau kebakaran.)
- **Jangan cuba mengalihkan Penutup apabila perkakas masih beroperasi.**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan.)
- **Jangan gunakan air panas (melebihi 60 °C) untuk tujuan membersih atau api untuk mengeringkan perkakas.**  
(Ia boleh menyebabkan melecur atau kerosakan.)
- **Jangan letak bahan-bahan panas (melebihi 60 °C) ke dalam Balang.**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan atau kerosakan.)
- **Jangan masukkan jari atau perkakas seperti sudu, garpu dan sebagainya ke dalam Balang semasa operasi.**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan, kejutan elektrik, atau kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas.)
- **Jangan menolak Pin Keselamatan dan Tuil Keselamatan dengan sebarang peralatan, kayu dan lain-lain, kerana perkakas mungkin akan dihidupkan.**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan.)

# AMARAN



- **Produk ini tidak dimaksudkan untuk digunakan oleh orang (termasuk kanak-kanak) dengan keupayaan fizikal deria atau mental yang kekurangan, atau kurang berpengalaman dan pengetahuan, kecuali mereka diawasi atau diberi arahan berkenaan penggunaan produk oleh orang yang bertanggungjawab atas keselamatan mereka. Kanak-kanak hendaklah diselia untuk memastikan mereka tidak bermain dengan produk.**  
(Ia boleh menyebabkan melecur, kecederaan atau kejutan elektrik.)
- **Masukkan Palam dengan sempurna.**  
(Jika tidak, ia boleh menyebabkan kejutan elektrik dan kebakaran yang disebabkan oleh haba yang boleh menjana di sekitar Palam.)
- **Sentiasa bersihkan Palam.**  
(Palam yang kotor boleh menyebabkan penebat yang tidak mencukupi kerana kelembapan, dan boleh menyebabkan kebakaran.)
- **Jika terdapat sebarang abnormaliti atau kerosakan, berhenti menggunakan perkakas serta merta dan cabut Palam dengan segera.**  
(Ia boleh menyebabkan asap, api atau kejutan elektrik.)  
Contoh keadaan yang tidak normal atau apabila kerosakan berlaku:
  - Palam dan Tali Kod menjadi luar biasa panas.
  - Tali Kod rosak atau kegagalan kuasa.
  - Bahagian Motor telah berubah bentuk atau luar biasa panas.➔ Sila cabut Palam perkakas dengan segera dan hubungi pusat perkhidmatan untuk pemeriksaan atau pembaikan.
- **Pastikan untuk memegang Palam apabila mencabutkan Palam. Jangan sesekali menarik keluar menggunakan Tali Kod.**  
(Ia boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas.)
- **Berhati-hati apabila cecair panas dituangkan ke dalam Balang kerana ia akan meruap keluar disebabkan pemanasan secara tiba-tiba.**  
(Ia boleh menyebabkan melecur.)
- **Berhati-hati semasa mengendali pisau pemotong yang tajam, mengosongkan Balang dan ketika mencuci. (contohnya Pisau Pemotong, Pisau Penghiris dan lain-lain)**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan.)

# AWAS



- **Jangan biarkan perkakas tanpa jagaan apabila ia sedang digunakan.**  
(Ia boleh menyebabkan kebakaran atau kelecuman.)
  - Apabila meninggalkan produk, matikan kuasa.
- **Jangan gunakan perkakas atas tempat-tempat berikut.**
  - Tempat yang permukaannya tidak rata, di atas permaidani yang tidak tahan haba atau kain alas meja dan lain-lain.  
(Ia boleh menyebabkan kebakaran atau kecederaan.)
  - Tempat di mana air boleh terpercik atau yang berhampiran dengan sumber haba.  
(Ia boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebocoran arus.)
- **Jangan beroperasi dengan kapasiti yang melebihi kapasiti maksimum yang bertanda pada setiap bekas. Ikut jumlah bahan-bahan yang dicadangkan untuk pemprosesan.**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan.)
- **\*Jangan terus beroperasi untuk jangka masa yang panjang. Disyorkan untuk mematikan perkakas sementara selepas operasi tertentu.**  
(Ia boleh menyebabkan melecur.)

| Fungsi            | Masa Operasi (minit) | Masa Rehat (minit) |
|-------------------|----------------------|--------------------|
| Pemproses Makanan | 2                    | 4                  |

\* Pengecualian untuk "Penyediaan Bahan-bahan" yang dinyatakan dalam Arahan Pengendalian ini.

# **AWAS**



- **Cabut Palam apabila perkakas tidak digunakan.**  
(Jika tidak, ia mungkin menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas.)
- **Keluarkan Balang sebelum mengangkat Bahagian Motor dari meja.**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan.)
- **Matikan perkakas dan cabut Palam dari bekalan kuasa sebelum menukar aksesori atau mendekati bahagian yang bergerak apabila digunakan.**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan.)
- **Apabila membawa perkakas, pastikan memegang Bahagian Motor dengan dua tangan. Jangan membawa perkakas dengan memegang Balang sahaja.**  
(Ia boleh menyebabkan kecederaan.)

## NOTA PENTING

- **Jangan letakkan perkakas di tempat-tempat berikut:**
  - Lokasi di mana perkakas terdedah kepada kelembapan berlebihan, suhu atau cahaya matahari secara langsung.  
(Ia boleh menyebabkan kerosakan.)
  - Mana-mana lokasi dengan suhu yang terlampau tinggi atau rendah seperti peti sejuk, penyejuk beku, ketuhar gelombang mikro atau ketuhar.  
(Ia boleh menyebabkan kerosakan atau kepecahan.)
- **Jangan memproses bahan-bahan keras (contohnya daging keras, daging dengan tulang) atau bahan likat.**  
(Ia boleh menyebabkan kerosakan.)

### Bahan-bahan yang dilarang:


| Alat-alat Tambahan                 | Penerangan  |
|------------------------------------|---|
| Pisau Pemetong                     | Bahan-bahan keras, bahan-bahan likat, misalnya biji kopi, kacang soya kering, makanan sejuk beku, sotong kering, dan lain-lain.   |
| Pisau Penghiris dan Pisau Perincih | Bahan-bahan yang mempunyai kepekatan serat keras yang tinggi, bahan-bahan likat, bahan-bahan yang terlalu lembut, contohnya sayur-sayuran yang keras, makanan beku, ham, kunyit, halia, daun salad, tomato, buah pic, coklat dan lain-lain. |
| Pengereng Salad                    | Bahan-bahan ketulan besar, bahan-bahan yang lembut dan rapuh, contohnya lobak merah yang besar atau ketulan kentang, tomato, tauhu, pasta, mi, dan lain-lain.   |

### Sebelum Penggunaan:

Sentiasa kendalikan perkakas di atas permukaan yang bersih, kering, rata, keras dan licin, dan bersihkan Tapak Getah (Muka surat 38) untuk memastikan bahawa sedutan Tapak Getah yang optimum.

# NAMA BAHAGIAN-BAHAGIAN

## Pemroses Makanan



1. Penolak Bahan
2. Bukaan Penyalur Bahan
3. Penutup Balang
4. Pisau Pemetong
5. Penutup Pengering
6. Pengering Salad
7. Pemegang Pemetong
8. Pisau Perincih Halus
9. Pisau Perincih Kasar
10. Pisau Penghiris Nipis

11. Pisau Penghiris Tebal
12. Balang
13. Aci Pacu
14. Bahagian Motor
15. Tapak Getah
16. Suis Putar
17. Tali Kod
18. \*Palam
19. Berus

# ALAT PERLINDUNGAN PEMUTUS LITAR


Apabila Perlindungan Pemutus Litar berhenti secara automatik disebabkan bebanan yang berlebihan, sila pusingkan Suis Putar ke kedudukan "0" dan ikut arahan di bawah:

1. Kurangkan bahan-bahan hingga setengah dari muatan asal dan sambung semula operasi.
2. Jika masih tetap tidak berfungsi, pusing Suis Putar ke "0" (Tutup) sekali lagi dan sambung semula operasi.
3. Jika semua masih gagal beroperasi, sila hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat.

## KEKUNCI KESELAMATAN

Pin Keselamatan direka untuk mengelakkan perkakas daripada beroperasi apabila

- Penutup Balang dan Balang tidak dikunci dengan sepenuhnya antara satu sama lain.
- Balang tidak dikunci sepenuhnya kepada Bahagian Motor.




### Nota:

- Jangan tekan Pin Keselamatan dan Tuil Keselamatan dengan apa-apa peralatan, kayu dan lain-lain.
- Jangan tuangkan cecair atau bahan-bahan di kawasan Pin Keselamatan dan Tuil Keselamatan.
- Pastikan kawasan Pin Keselamatan dan Tuil Keselamatan bersih untuk mengelakkan benda asing berkumpul di kawasan itu.


Tindakan di atas akan memastikan Pin Keselamatan dan Tuil Keselamatan berfungsi dengan betul. Jika tidak dipatuhi, ia akan merosakkan bahagian-bahagian yang berkaitan dengan Pin Keselamatan dan Tuil Keselamatan.

# CARA MEMBUKA

## Membuka dari Bungkusannya



Pusing Penutup Balang ke arah lawan jam dan mengangkatnya dari Balang.




Pegang bahagian atas Pisau Pemotong dan angkat ke atas untuk mengeluarkannya dari Balang.

### Nota:

Berhati-hati dengan Pisau Pemotong yang tajam apabila mengeluarkannya dari Balang.

## PEMROSES MAKANAN -PENGENALAN-

Disyorkan supaya semua alat-alat tambahan dan aksesori dibersihkan dan dikeringkan dengan baik sebelum menggunakan perkakas ini buat kali pertama, sila rujuk muka surat 46 - 47 untuk kaedah pembersihan. Semasa memasang perkakas ini, sila cabut palam. Sebelum memasang, pastikan Suis Putar berkedudukan "0". Sila rujuk bahagian "Penyimpanan" pada muka surat 47 mengenai cara menukar posisi Bahagian Motor.



















1. Letakkan Balang di atas Bahagian Motor sehingga tanda sejajar seperti yang ditunjukkan pada **A**.
2. Pusing Balang mengikut arah jam sehingga bunyi 'klik' didengari. Pastikan tanda segi tiga pada Balang adalah sejajar dengan tanda segi empat tepat di Bahagian Motor seperti pada **B**.

**Untuk membuka, sila ikuti langkah-langkah pemasangan secara terbalik.**



# PEMROSES MAKANAN - PISAU PEMOTONG -


## Penyediaan Bahan-bahan untuk Pisau Pemotong

| Fungsi      | Bahan-bahan               | Kelajuan    | Quantiti     | Masa operasi (anggaran) | Kaedah Penyediaan   |
|-------------|---------------------------|-------------|--------------|-------------------------|---|
| Cincang     | Daging                    | 2           | 50 ~ 400 g   | 5 ~ 50 saat             |  Buang semua kulit, tulang dan urat, potong kepada ketulan 2 ~ 3 cm.   |
|             | Ikan                      |             | 50 ~ 500 g   | 3 ~ 20 saat             |    |
| Potong      | Bawang                    | 1 (Berkala) | 150 ~ 500 g  | 4 ~ 15 kali             |  Buang kulit, potong kepada ketulan 2 ~ 3 cm.  |
|             | Bawang Putih              | 2           | 5 ~ 500 g    | 10 ~ 30 saat            |  Kupaskan kulit.   |
|             | Lobak Merah               |             | 50 ~ 450 g   | 10 ~ 30 saat            |  Kupaskan kulit, potong kepada ketulan 2 ~ 3 cm.   |
|             | Daun Parsli Itali         |             | 5 ~ 70 g     | 10 ~ 40 saat            |  Asingkan tangkai.   |
|             | Cendawan                  |             | 30 ~ 250 g   | 3 ~ 15 saat             |  Potong kepada ketulan 2 ~ 3 cm.   |
| Hancur      | Keju Parmesan             | 2           | 10 ~ 200 g   | 10 ~ 60 saat            |  Potong kepada ketulan 2 ~ 3 cm.   |
| Lenyek      | Kentang Rebus             | NADI        | 100 ~ 400 g  | 3 ~ 15 kali             |  Potong kepada ketulan 2 ~ 3 cm. Jangan lebih proses.  |
| Sejuk       | Pisang Beku               | 2           | 250 ~ 450 g  | 30 ~ 180 saat           |  1 ~ 2 cm tebal, keadaan separuh beku, iaitu boleh dicucuk oleh pencungkil gigi.  |
| Ais Kisar   | Ais Kiub                  | 2           | ~ 10 ketul   | ~ 20 saat               |  Ais kiub 2 ~ 3 cm.  |
| Kisar       | Kacang Tanah              | 2           | 10 ~ 200 g   | 15 ~ 30 saat            |  Buang kulit luar dan dalam kacang tanah.  |
| Pes         | Kacang Garing             | 2           | 100 ~ 400 g  | 5 ~ 10 minit            |  Buang kulit luar dan dalam kacang tanah.  |
| Serbuk Roti | Roti Putih Lembut         | 2           | 10 ~ 200 g   | 15 ~ 60 saat            |  Potong roti lembut kepada 6 ~ 8 keping.   |
| Uli         | Tepung                    | 2           | 300 g        | ~ 120 saat              | Campurkan yis dengan air dan tambah semasa pemprosesan doh (menambah yis secara langsung sebelum pemprosesan boleh menyebabkan mengelupas dan kenaikan pra-matang). Jika campuran adunan masih kelihatan tidak stabil selepas pemprosesan awal, tambah 1 sudu teh air ke dalam campuran. Apabila getaran besar berlaku disebabkan oleh campuran doh membalut sekitar Aci Pacu, tambah 1 sudu besar tepung. Jangan memproses semula doh selepas proses selesai, jika doh tidak memuaskan, uli dengan tangan. |
|             | Cecair                    |             | 160 ~ 200 mL |                         |   |
| Pembuat Jus | Buah-buahan, cecair, dll. | 2           | ~ 1,500 mL   | ~ 120 saat              |  Potong kepada ketulan 2 ~ 3 cm. Proses pepejal dahulu. Isi cecair sehingga jumlah tidak melebihi 1,500 mL. Jangan menambah lebih daripada 10 ketul ais kiub semasa proses.  |
| Pembuat     | Sayur                     | 2           | 1,500 mL     | 120 saat                |  Potong kepada ketulan 2 ~ 3 cm.   |

# PEMROSES MAKANAN - PISAU PEMOTONG -

## Cara Mengguna: Pisau Pemotong

1




Letakkan Pisau Pemotong ke dalam Balang.

### Nota:

Pastikan Aci Pacu terkeluar dari Pisau Pemotong selepas dimasukkan.




2




Masukkan bahan-bahan ke dalam Balang. Letakkan Penutup Balang di atas Balang dan pusingkannya mengikut arah jam sehingga bunyi 'klik' kedengaran. Masukkan Penolak Bahan ke dalam Bukaian Penyalur Bahan. Pasangkan pasangan Balang pada Bahagian Motor seperti di muka surat 40.

3



Masukkan Palam ke dalam soket dan pusing Suis Putar untuk memilih kelajuan yang diperlukan (rujuk kepada "Penyediaan Bahan-bahan" di muka surat 41).

4




Selepas pemrosesan telah selesai, kembalikan Suis Putar ke kedudukan "0" dan cabut Palam dari soket. Keluarkan Pisau Pemotong dari Balang sebelum mengeluarkan bahan-bahan yang telah diproses.


### Nota:

- Sentiasa pastikan Pisau Pemotong dimasukkan sebelum menambah bahan-bahan ke dalam Balang.
- Tidak melebihi jumlah bahan-bahan yang dinyatakan untuk menguli kerana getaran yang tidak normal mungkin berlaku.
- Jangan masukkan bahan-bahan panas ke dalam Balang untuk pemrosesan. Sentiasa pastikan bahawa bahan-bahan telah cukup sejuk sebelum dimasukkan, contohnya kentang rebus.
- Untuk buat Jus, isi bahan-bahan pejal dahulu ke dalam Balang, diikuti dengan bahan-bahan cecair sehingga jumlah keseluruhan tidak melebihi 1,500 mL.
- Apabila memproses bahan cecair bersama-sama dengan ais kiub, jangan masukkan melebihi 10 ketul ais kiub (lebih kurang 170 g).
- Bergantung kepada kelajuan dan jumlah bahan-bahan yang digunakan, getaran yang ketara akan dihasilkan. Dalam situasi ini, tahan Penutup Balang dengan kedua-dua tangan untuk memberi sokongan semasa operasi.
- Untuk menguli, dilarang memproses semula selepas doh telah dibentuk pada kali pertama.
- Kandungan mentega dan gula yang tinggi dalam adunan boleh menyebabkan getaran yang tidak normal.
- Penggunaan tepung selain daripada tepung roti untuk membuat roti boleh menyebabkan getaran yang tidak

# PEMROSES MAKANAN - PISAU PENGHIRIS • PISAU PERINCIH -



Pisau Penghiris (Tebal / Nipis)  
- digunakan untuk menghiris bahan.



Pisau Perincih (Kasar / Halus)  
- digunakan untuk merincih dan memarut bahan-bahan.

## Penyediaan Bahan-bahan untuk Pisau Penghiris (Tebal/Nipis)


| Fungsi | Bahan-bahan | Kelajuan | Maksimum (Penggunaan Sekali) | Masa operasi (anggaran) | Kaedah Penyediaan |  |
|--------|-------------|----------|------------------------------|-------------------------|-------------------|--|
| Hiris  | Timun       | 2        | 700 g                        | -                       |                   | Potong bahan-bahan sehingga ia cukup kecil untuk dimuatkan ke dalam Bukaan Penyalur Bahan. |
|        | Bawang      |          | 700 g                        |                         |                   |  |
|        | Lobak Merah |          | 600 g                        |                         |                   |  |
|        | Kentang     |          | 600 g                        |                         |                   |  |
|        | Kubis       |          | 400 g                        |                         |                   |  |

## Penyediaan Bahan-bahan untuk Pisau Perincih (Kasar / Halus)

| Fungsi | Bahan-bahan | Kelajuan | Maksimum (Penggunaan Sekali) | Masa operasi (anggaran) | Kaedah Penyediaan |  |
|--------|-------------|----------|------------------------------|-------------------------|-------------------|--|
| Rincih | Timun       | 2        | 500 g                        | -                       |                   | Potong bahan-bahan sehingga ia cukup kecil untuk dimuatkan ke dalam Bukaan Penyalur Bahan.   |
|        | Lobak Merah |          | 500 g                        |                         |                   |  |
|        | Kentang     |          | 650 g                        |                         |                   |  |
|        | Keju        |          | 500 g                        |                         |                   | Potong bahan-bahan sehingga ia cukup kecil untuk dimuatkan ke dalam Bukaan Penyalur Bahan. Jangan gunakan bahan-bahan keras seperti Keju Parmesan. |

# PEMROSES MAKANAN - PISAU PENGHIRIS · PISAU PERINCIH -


Cara Mengguna: Pisau Penghiris (Tebal / Nipis), Pisau Perincih (Kasar / Halus)



Masukkan penahan unjuran pada pemotong yang diingini pada Pemegang Pemotong dan pastikan ia diletakkan dengan betul. Tolak ke bawah pada lesung pipit pada bilah seperti yang dilihat di atas sehingga bunyi 'snap' kedengaran.

## Nota:



- Berhati-hati dengan tepi pemotong yang tajam semasa memasukkan ke Pemegang Pemotong.
- Untuk mengeluarkan pemotong, terbalikkan Pemegang Pemotong dan tolak ke bawah di belakang kawasan lesung pipit pemotong.




Masukkan jari dan ibu jari anda ke dalam lubang jari untuk cengkaman Pemegang Pemotong. Letakkan pasangan Pisau Pemotong ke dalam Balang. Pasangkan Balang kepada Bahagian Motor seperti di muka surat 40. Letakkan Penutup Balang pada Balang dan pusingnya mengikut arah jam sehingga bunyi 'klik' kedengaran.

## Nota:

Pastikan Aci Pacu terkeluar dari Pemegang Pemotong selepas dimasukkan.




Masukkan Palam ke dalam soket dan pusingkan Suis Putar untuk memilih kelajuan yang dikehendaki (rujuk kepada "Penyediaan Bahan-bahan" di muka surat 43). Masukkan bahan-bahan ke dalam Bukaannya Penyalur Bahan dan tolak ke bawah dengan Penolak Bahan.



Selepas pemprosesan selesai, kembalikan Suis Putar ke kedudukan "0" dan cabut Palam dari soket. Keluarkan Pemegang Pemotong dari Balang sebelum mengeluarkan bahan-bahan yang telah diproses.



## Nota:

- Apabila memproses bahan-bahan panjang dan sempit, letakkan pada permukaan hadapan Bukaannya Penyalur Bahan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, supaya memberi sokongan semasa operasi untuk mengelakkan pemprosesan yang tidak sekata.
- Buang sebarang ketulan baki bahan yang tidak diproses.
- Selaraskan bahan-bahan yang berserat tinggi seperti yang




# PEMROSES MAKANAN -PENGERING SALAD-


## Penyediaan Bahan-bahan untuk Pengering Salad

| Fungsi    | Bahan-bahan | Kelajuan | Maksimum (Penggunaan Sekali) | Masa operasi (anggaran) | Kaedah Penyediaan  |
|-----------|-------------|----------|------------------------------|-------------------------|--|
| Pengering | Daun Salad  | 1        | 100 g                        | 20 ~ 40 saat            |  Potong kepada kepingan 3~5 cm. |
|           | Kubis       |          | 200 g                        | 20 ~ 50 saat            |  Dicarik kepada 1~3 mm.         |

## Cara Mengguna: Pengering Salad




Selepas memasukkan Pengering Salad ke dalam Balang, masukkan bahan-bahan ke dalam Pengering Salad. Letakkan Penutup Pengering di atas Pengering Salad sehingga tanda adalah sejajar seperti yang ditunjukkan pada A. Pusing Penutup Pengering arah lawan jam sehingga tanda adalah sejajar yang ditunjukkan pada B.




Letakkan Penutup Balang di atas Balang dan pusing mengikut arah jam sehingga bunyi 'klik' kedengaran. Pasangkan pasangan Balang pada Bahagian Motor seperti di muka surat 40.

### Nota:

Pastikan Acipacu terkeluar dari Pengering Salad selepas dimasukkan.



Masukkan Palam ke dalam soket dan pusingkan Suis Putar untuk memilih kelajuan yang diperlukan.



Selepas pemprosesan telah selesai, kembalikan Suis Putar ke kedudukan "0" dan cabut Palam dari soket. Keluarkan Pengering Salad dari Balang.

### Nota:



- Kapasiti penggunaan maksimum Pengering Salad: 200 g atau sehingga ketinggian maksimum Pengering Salad, yang mana terdahulu.
- Bahan-bahan yang dilarang: rujuk kepada muka surat 37.
- Pastikan bahan-bahan dimasukkan secara sama rata di seluruh Pengering Salad sebelum pemprosesan.
- Sentiasa pastikan Penutup Pengering dipasang pada Pengering Salad sebelum operasi, jika tidak, bahan-bahan mungkin akan terkeluar dan terkoyak di sekitar Balang.

# SELEPAS PENGGUNAAN

## Pembersihan


### Pra-basuhan

Pra-basuhan memudahkan pembersihan. Ia boleh digunakan untuk Pisau Pemetong. Untuk pra-basuhan, sila ikuti langkah-langkah di bawah.



Letakkan alat-alat tambahan yang telah digunakan di dalam Balang dan isikan Balang dengan air sehingga separuh kapasitinya iaitu (Maksimum 500 mL). Letakkan Penutup Balang di atas Balang dan pusingnya mengikut arah jam sehingga bunyi 'klik' kedengaran.


Pusingkan Suis Putar ke "NADI" 5 ~ 10 kali.



Kembalikan Suis Putar ke kedudukan "0" dan cabut Palam dari soket. Tanggalkan alat-alat tambahan dan teruskan untuk pembersihan.



Basuh alat-alat ini dengan membilasnya di bawah air yang mengalir. Gunakan bahan pencuci dapur yang neutral jika perlu. Keringkan alat-alat dengan kain bersih.



Basuh alat-alat ini dengan membilasnya di bawah air yang mengalir, bersihkan dengan berus secara berhati-hati. Gunakan bahan pencuci dapur yang neutral jika perlu.

### Nota:

- Alat-alat ini amat tajam dan harus dikendalikan dengan berhati-hati ketika pembersihan.

# SELEPAS PENGGUNAAN

## Bahagian Motor / Tapak Getah

Lapkan sebarang kekotoran dengan kain lembap yang bersih.

### Nota:

- Pastikan tali kod kuasa dicabut sebelum membersihkan Bahagian Motor.
- Jangan basuh Bahagian Motor di bawah air yang mengalir.
- Jangan gunakan cecair menghakis (contohnya alkohol, thinner, dan lain-lain) untuk membersihkan Bahagian Motor.

## Pembersihan dengan Mesin pencuci pinggan


Balang dan Penutup Balang perkakas ini adalah selamat untuk dibersihkan dengan mesin pencuci pinggan.

### Nota:


- Jangan letakkan alat-alat ini dekat dengan kawasan pemanas mesin pencuci pinggan kerana suhu yang tinggi boleh merosakkannya.

## Penyimpanan


Pastikan semua alat-alat tambahan dan Balang dikeluarkan dari Bahagian Motor sebelum penyimpanan.



Untuk melepaskan sedutan Tapak Getah pada Bahagian Motor, tekan pada tuas pelepas yang terletak di bahagian bawah Bahagian Motor, dan pada masa yang sama, seperti yang dalam gambar di atas, angkatkan Bahagian Motor.



Baringkan Bahagian Motor pada sisi dan terus gulung sebahagian Tali Kod pada Kawansan Penggulungan Tali Kod dan biarkan Palam pada sisi.



Simpan Pisau Pemotong di dalam Balang. Simpan alat-alat tambahan lain di tempat yang kering, dan selamat.

# PENYELESAIAN MASALAH

Sila periksa perkara yang berikut sebelum menghantar ke pusat perkhidmatan.

| Masalah   | Punca dan Tindakan  |
|---|---|
| <p>Perkakas ini tidak dapat dihidupkan.</p>   | <p>● Palam terlonggar pada soket.<br/>➔ Pasangkan Palam dengan rapi ke dalam soket.</p>   |
| <p>Perkakas ini tidak beroperasi walaupun Suis Putar telah diaktifkan.</p>              | <p>● Balang tidak dipasang dengan betul pada Bahagian Motor.<br/>➔ Pastikan tanda segi tiga pada Balang adalah sejajar dengan tanda segi empat tepat di Bahagian Motor seperti yang di muka surat 40.</p> <p>● Penutup Balang tidak dipasang sepenuhnya pada Balang.<br/>➔ Pastikan Penutup Balang dipasang sepenuhnya pada Balang.</p> <p>● Bahan-bahan tersekat.<br/>➔ Keluarkan bahan-bahan dengan berhati-hati dan pastikan jumlah yang digunakan adalah seperti yang dicadangkan.</p>  |
| <p>Perkakas ini berhenti secara tiba-tiba semasa beroperasi.</p>                        | <p>● Perlindungan pemutus litar diaktifkan (Sila rujuk muka surat 39).</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Terlalu banyak bahan-bahan yang telah dimasukkan.<br/>➔ Keluarkan bahan-bahan yang berlebihan dan pastikan jumlah yang digunakan adalah seperti yang dinyatakan.</li><li>• Ketulan besar atau bahan-bahan keras telah digunakan.<br/>➔ Pastikan bahan-bahan dipotong pada saiz seperti yang dinyatakan. Jangan gunakan bahan-bahan keras seperti makanan sejuk beku atau pepejal yang sangat padat.</li></ul> <p>● Kekunci keselamatan diaktifkan (Rujuk muka surat 39).</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Getaran yang tidak normal semasa operasi boleh mempengaruhi fungsi kekunci keselamatan.<br/>➔ Pastikan bahawa bahan-bahan dan kuantiti yang digunakan adalah seperti yang dinyatakan.</li><li>➔ Kuncikan Penutup Balang pada Balang dengan betul, dan pastikan Balang dikunci dengan betul pada Bahagian Motor.</li></ul> |
| <p>Terdapat getaran yang tidak normal dan bunyi bising semasa operasi.</p>              | <p>● Tapak Getah dan/atau meja kerja tidak bersih.<br/>➔ Mengelap kotoran atau noda dengan kain lembap yang bersih. Tapak Getah hanya berkesan apabila diletakkan di atas permukaan yang bersih, licin dan rata.</p> <p>● Bahan-bahan yang digunakan untuk pemprosesan sama ada terlalu banyak atau terlalu keras.<br/>➔ Memastikan bahawa bahan-bahan yang digunakan adalah seperti yang dinyatakan, mengurangkan bahan-bahan jika ia adalah lebih daripada amaun yang dinyatakan.</p>   |
| <p>Tekstur dan konsistensi bahan-bahan yang diproses tidak memberi hasil yang baik.</p> | <p>● Sesetengah bahan-bahan mungkin terlalu sukar untuk memproses mentah, contohnya labu.<br/>➔ Pre-masak mungkin diperlukan untuk melembutkan bahan-bahan sebelum pemprosesan, seperti hingga garpu boleh ditusuk dengan mudah.</p> <p>● Saiz bahan tidak mengikut kaedah penyediaan.<br/>➔ Sediakan bahan-bahan dengan mengikut saiz yang dinyatakan.</p> <p>● Untuk fungsi Sejuk, memproses bahan-bahan tertentu pada masa yang sama boleh menyebabkan ketinggalan ketulan.</p> <p>● Jumlah maksimum bahan dan jangka masa pemprosesan adalah sebagai garis panduan, jumlah bahan yang lebih rendah dan bahan-bahan yang berbeza akan memberikan hasil yang berbeza.<br/>➔ Proses bahan-bahan dengan jangka masa yang sesuai sehingga mencapai tekstur dan konsistensi yang dikehendaki.</p>   |



# SPESIFIKASI

|   |  |
|---|--|
| No. Model   | <b>MK-F300</b>   |
| Fungsi  | <b>Pemproses Makanan</b>   |
| Bekalan Kuasa   | 220 - 240 V ~ 50 - 60 Hz   |
| Penggunaan Kuasa  | 180 - 200 W  |
| Suis  | Suis Putar   |
| Penilaian Operasi   | 2 minit ON, 4 minit OFF  |
|   | Pengecualian untuk yang dinyatakan pada muka surat<br>"Penyediaan Bahan-bahan"   |
| Dimensi (T x L x D)<br>(Anggaran Kasar)                       | 435 x 264 x 265 mm   |
| Berat (Anggaran Kasar)  | 3.1 kg   |
| Kapasiti (Anggaran Kasar)                                     | Kapasiti Bekas: 2.5 L<br>Kapasiti penggunaan maksimum:<br>Hanya cecair = 1.5 L<br>Hanya pepejal = 600 g                |
|   | Pengecualian untuk yang dinyatakan pada muka surat<br>"Penyediaan Bahan-bahan"   |
| Alat-alat Tambahan &<br>Aksesori                              | Pisau Pemetong, Pemegang Pemetong, Pisau Penghiris (Tebal & Nipis),<br>Pisau Perincih (Kasar & Halus), Pengering Salad |
| Aksesori Umum   | Berus dengan Sudip   |
| Alat-alat yang selamat dicuci<br>dengan mesin pencuci pinggan | Balang dan Penutup Balang  |





**Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad**  
No. 3, Jalan Sesiku 15/2, Section 15, Shah Alam Industrial Site,  
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
<http://www.panasonic.com>

UZ50M156